



Headline	UniKL, SSTMI Thunderbolt berentap di final		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	47	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	220 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,345



UniKL, SSTMI Thunderbolt berentap di final

Kuala Lumpur: Bekalan besar yang dibawa ke laman lawan nyata berbaloi apabila Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Thunderbolt (SSTMI Thunderbolt) berjaya melangkah ke final Piala Milo yang dijadual berlangsung di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, esok.

UniKL yang membawa bekal selesa dengan membenam lawan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail Junior (SSTMI Jr) 6-0 pada pusingan pertama tidak perlu mengeluarkan peluh apabila mencatat kemenangan 3-1 pada pusingan kedua, semalam.

Mohammad Hafif Elkan Rera @ Nordin yang mencipta hatrik Rabu lalu membuka jaringan UniKL pada minit ke-9 menerusi pukulan sudut penalti sebelum Mohd Syafiq Zulzairin meledak dua jaringan (m-14 dan m-69) cukup untuk menghancurkan ha-

rapan SSTMI Jr untuk mengurangkan jarak sebelum ini.

Sementara itu, di Stadium Hoki Ipoh, SSTMI Thunderbolt selaku juara bertahan juga tidak mempunyai masalah mengejutkan tuan rumah MBI Anderson apabila Mohd Hafiz Selemen membuka jaringan seawal minit ke-6 sebelum Mohd Shahril Saabah menggandakan jaringan lima minit kemudian.

UniKL sasar rampas gelaran

Namun, jaringan N Kartigan pada minit ke-43 nyata sudah terlewat untuk kembali bangkit mengurangkan defisit jaringan.

Bagi jurulatihnya, Wan Mohd Roslan Wan Abdul Rahman, pa-



sukan kini sedang memburu gelaran ketiga selepas berjaya merangkul kejuaraan pada musim 2011 dan 2012.

"Hari ini (semalam) kami memang meletakkan sasaran untuk menang dan saya merehatkan beberapa pemain. Ini adalah kali keempat kami bertemu dengan UniKL di final Piala Milo sejak 2010.

"Pastinya UniKL menyimpan hasrat besar mahu merampas gelaran yang kami raih tahun lalu

KEPUTUSAN

Pusingan kedua separuh akhir

- ⊙ UniKL... **3** SSTMI Jr.. **0** (UniKL **mng** agregat 9-0)
- ⊙ SSTMI Thunderbolt... **2** MBI Anderson... **1** (SSTMI Thunderbolt **mng** agregat 10-1)
- ⊙ **Final esok** SSTMI Thunderbolt **mln** UniKL (8 mlm)
- ⊙ **Penentuan tempat 3/4** SSTMI Jr **mln** MBI Anderson (6ptg) (Semua perlawanan di Std Hoki Nasional Bukit Jalil)

dan memberi tentangan sengit kepada pasukan di final nanti," katanya yang tidak mempunyai masalah kecederaan pemain ketika ini.